



21 Jun 2017

KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

**PENUTUPAN OPERASI PEMERIKSAAN DI SEMUA PUSAT PEMERIKSAAN PUSPAKOM
SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI**

Shah Alam, 21 Jun 2017 – Bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang dijangka akan disambut pada 25 Jun 2017 (Ahad ini), semua Pusat Pemeriksaan PUSPAKOM di seluruh negara akan ditutup selama 4 hari seperti berikut:

Tarikh	Nota
24 Jun 2017 (Sabtu) sehingga 27 Jun 2017 (Selasa)	Bagi semua negeri
23 Jun 2017 (Jumaat) sehingga 26 Jun 2017 (Isnin)	Bagi negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Johor

Semua Pusat Pemeriksaan PUSPAKOM akan beroperasi semula seperti biasa pada 28 Jun 2017 (Rabu) manakala bagi negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Johor adalah pada 27 Jun 2017 (Selasa).

Dengan ini, para pelanggan yang mempunyai tarikh luput pemeriksaan yang jatuh pada tarikh tersebut adalah dinasihatkan agar membuat perancangan awal dengan mengunjungi pusat pemeriksaan PUSPAKOM bagi menjalankan pemeriksaan kenderaan mereka.

PUSPAKOM telah mengambil inisiatif dengan melanjutkan waktu operasi pada hari Sabtu yang lalu bagi memenuhi permintaan pemeriksaan yang tinggi menjelang musim perayaan Hari Raya.

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung penutupan operasi ini, para pelanggan boleh menghubungi Pengurus Cawangan atau talian bebas tol PUSPAKOM 1-800-88-6927 atau layari laman sesawang PUSPAKOM di www.puspakom.com.my

###

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:

Jabatan Komunikasi & Khidmat Pelanggan

Ibu Pejabat PUSPAKOM Sdn. Bhd.

Tel: +603-2052 7465 / 7322

FB: [facebook.com/puspakomvehicleinspection](https://www.facebook.com/puspakomvehicleinspection)

Mengenai PUSPAKOM

Ditubuhkan pada tahun 1994, PUSPAKOM, anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad, merupakan satu-satunya syarikat pemeriksaan kenderaan yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk melakukan semua pemeriksaan mandatori terhadap kenderaan awam dan perdagangan, serta kenderaan persendirian untuk tujuan pembiayaan sewa beli, tukar milik, pendaftaran kenderaan import dan pemeriksaan kenderaan sukarela.